

## Sikap Guru Terhadap Faktor Penentu Iklim Sekolah Di Sebuah Sekolah Menengah Swasta Di Daerah Johor Bahru

Hanim Binti Sulaiman & Siti Maisarah Binti Harman @ Halmi  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Teknologi Malaysia

**Abstrak:** Kajian berbentuk tinjauan ini bertujuan untuk meninjau sikap guru terhadap faktor program sekolah, faktor proses sekolah dan faktor bahan sekolah dalam penentu iklim sekolah di sebuah sekolah menengah swasta di daerah Johor Bahru. Kajian ini melibatkan 44 orang responden yang terdiri daripada guru-guru di sekolah tersebut. Reka bentuk kajian yang digunakan untuk mencapai objektif kajian adalah berbentuk deskriptif. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah soal selidik skala Likert yang terdiri daripada 30 item soalan. Kebolehpercayaan instrumen ini adalah 0.81. Data yang telah dikumpul dianalisis secara statistik deskriptif menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS V13.0) for Windows. Nilai min sikap guru terhadap faktor penentu iklim sekolah secara keseluruhannya adalah 4.20. Ini menunjukkan tahap sikap guru terhadap faktor penentu iklim sekolah adalah tinggi. Dapatan kajian ini juga menunjukkan guru-guru mempunyai sikap yang baik terhadap ketiga-tiga faktor penentu iklim sekolah iaitu program, proses dan bahan. Secara kesimpulannya, faktor penentu iklim sekolah di sekolah menengah swasta ini adalah dalam keadaan baik dan harus dikekalkan.

**Abstract:** The purpose of this study is to survey teachers' attitude regarding the school climate determinant factors which are the school programme, the school process and the school material which includes the teaching and learning facilities. The study involves 44 teachers in a private school located in Johor Bahru district. A descriptive survey was carried out in order to fulfill this purpose. The instrument used was a set of questionnaires consisting of 30 Likert scale items. The reliability of this instrument is 0.81. The data was analyzed using statistical package for social science (SPSS V13.0) for Windows software. The mean value shows that teacher attitude towards school climate determinant factor of programme, process and material is high. This research finding also shows that teachers have a good attitude towards the three determinant factors of school climate. In conclusion, the school climate determinant in this private school is in a good condition and it should be maintained.

*Katakunci:* sikap guru, faktor program sekolah, faktor proses sekolah, faktor bahan sekolah, penentu iklim sekolah

### Pengenalan

Sekolah merupakan sebuah institusi formal untuk mendidik kanak-kanak dan remaja menghadapi alam dewasa dan seterusnya menjadi insan yang berguna di hari muka. Seseorang kanak-kanak akan menempuhi alam persekolahan sekurang-kurangnya sebelas tahun iaitu di peringkat prasekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah. Mereka juga akan menghabiskan sekurang-kurangnya enam jam atau lebih di sekolah setiap hari persekolahan tidak termasuk aktiviti kokurikulum dan kelas-kelas tambahan. Jadi, tidak hairanlah jika dikatakan sekolah sebagai agen sosialisasi kerana sebahagian daripada usia seseorang itu akan dihabiskan di sekolah.

Dalam hal ini, suasana dan persekitaran sekolah atau lebih dikenali sebagai iklim sekolah memainkan peranan penting dalam pembentukan sahsiah seseorang. Menurut seorang perintis dalam kajian iklim sekolah, Halpin dan Croft (1963), iklim sekolah digambarkan sebagai personaliti seseorang individu sendiri dan bagaimana guru tersebut berusaha untuk mencapai tahap organisasi iklim sekolah berkenaan.

Haward *et al.* (1974) pula menyifatkan iklim sekolah sebagai keadaan sosial dan budaya sekolah itu yang mempengaruhi tingkah laku orang di dalamnya.

### **Pernyataan Masalah**

Pendidikan merupakan proses yang berterusan dan bersepadu untuk mengembangkan potensi individu. Hasilnya adalah generasi yang bakal mewarisi, menjaga dan mengurus segala peninggalan bangsanya. Justeru itu adalah wajar jika isu-isu yang berkaitan dengan pendidikan dijadikan perkara pokok dalam setiap urusan. Secara positifnya, respon yang diberikan dapat memperelok dan memperkayakan proses pelaksanaan dan pengurusan pendidikan itu sendiri.

Kebanyakan isu pendidikan adalah berkisar kepada masalah di dalam kawasan sekolah seperti kes ponteng sekolah, vandalisme, kecaciran, imej buruk pelajar-pelajar di luar sekolah dan sebagainya. Ini memberi gambaran negatif kepada orang ramai terhadap peranan sekolah dalam melahirkan insan yang mulia budi pekertinya, cemerlang bukan sahaja dalam bidang akademik, tetapi juga sahsiah dan tingkah laku. Hal ini sama ada dinyatakan secara tersirat atau tersurat, ianya mengarah kepada permasalahan dan kemerosotan disiplin di sekolah.

Fenomena ini amat bertentangan dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang berhasrat untuk melahirkan insan yang berguna untuk kemajuan negara. Adalah menjadi harapan kerajaan agar dapat mewujudkan satu masyarakat yang bertatasusila, bersatu padu, demokratik, liberal dan progresif (Muhd Mansur, 1986). Untuk itu, proses pembentukan sesuatu masyarakat akan bermula di peringkat sekolah. Ini bertepatan dengan fungsi sekolah sebagai agen sosialisasi kepada pelajar-pelajarnya. Sekolah yang mempunyai iklim yang kondusif akan mampu untuk mewujudkan suasana yang ceria dan harmoni di samping menggalakkan para pelajar untuk hadir ke sekolah bagi menimba ilmu pengetahuan.

Iklim sesebuah sekolah dapat dilihat dengan menilai kewujudan faktor-faktor yang mempengaruhi proses pembentukannya. Apa sahaja program untuk memperbaiki iklim sekolah yang ingin dilaksanakan perlulah ditumpukan kepada aspek kemanusiaan bagi melahirkan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sahsiah (JERIS) selari dengan Falsafah Pendidikan Negara.

Komponen utama yang membentuk iklim sekolah ialah faktor penentu iklim sekolah. Menurut Fox *et al.* (1971), faktor penentu iklim sekolah meliputi program, proses dan bahan yang merupakan asas kepada pembentukan iklim sekolah. Ia perlu digunakan sebaik mungkin untuk mencapai matlamat iklim sekolah yang telah ditetapkan. Matlamat utama iklim sekolah ialah untuk meningkatkan produktiviti pelajar dan guru dengan memberikan penekanan dan penumpuan kepada kemajuan akademik, kemahiran sosial dan fizikal, pengetahuan dan sikap. Seterusnya ialah memberi kepuasan kepada mereka, kerana iklim sekolah yang positif menyebabkan mereka gembira dan seronok berada di sekolah.

Secara umumnya, iklim sekolah swasta dan sekolah kerajaan adalah berbeza disebabkan sistem dan struktur pentadbiran sekolah yang berlainan di antara satu sama lain (Amir Hasan Dawi, 2006). Sekolah swasta dibiayai sepenuhnya oleh pihak swasta dan orang perseorangan. Walaubagaimanapun, ia masih tertakluk di bawah Akta Pendidikan 1996 di mana kurikulum dan kokurikulum sekolah perlu selari dengan sekolah kerajaan yang berlandaskan kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Segala keperluan sekolah termasuk kemudahan infrastruktur disediakan oleh pihak swasta dan ibu bapa.

Kebanyakan pelajar yang bersekolah di sekolah swasta adalah terdiri daripada mereka yang berasal dari kalangan keluarga yang berpendapatan sederhana dan tinggi. Mereka akan dikenakan yuran bulanan atau tahunan oleh pihak sekolah. Guru-guru pula kebanyakannya bukan daripada mereka yang mempunyai ijazah atau diploma dalam bidang pendidikan. Walaubagaimanapun, mereka akan diberi kursus secara

intensif oleh pihak pentadbir bagi memastikan mereka berupaya melahirkan modal insan yang berkualiti tinggi untuk negara.

Sekolah swasta mempunyai struktur organisasinya yang tersendiri. Pada kebiasaannya, sesebuah sekolah swasta mempunyai Lembaga Pemegang Amanah, Lembaga Pengelola, Jawatankuasa PIBG, Jawatankuasa Khas Sekolah, Pengetua, Penolong Pengetua, kakitangan akademik dan bukan akademik. Sekolah ini juga mempunyai struktur pentadbirannya yang tersendiri di mana segala program, proses dan bahan yang menjadi faktor penentu kepada iklim sekolah ditentukan oleh pihak tersebut.

Tidak seperti sekolah bantuan kerajaan, penyediaan kemudahan asas di sekolah swasta seperti bekalan air dan elektrik, bilik darjah, makmal, alat-alat bantu mengajar dan sebagainya disediakan sendiri oleh pihak pengurusan sekolah dengan dibiayai oleh individu tertentu. Suasana dan persekitaran sekolah juga ditentukan sendiri oleh pihak sekolah berdasarkan sumber kewangan yang diperolehi oleh mereka. Walau bagaimanapun, penyediaan kurikulum dan kokurikulum di sekolah swasta masih terikat dengan garis panduan yang telah ditetapkan oleh pihak kementerian, yang berbezanya adalah cara dan kaedah pelaksanaan yang disesuaikan mengikut prasarana dan kemudahan yang ada di sesebuah sekolah swasta tersebut. Hal ini akan menyebabkan dua kemungkinan iaitu sama ada iklim sekolah akan berada dalam keadaan yang baik atau sebaliknya.

Iklim sesebuah sekolah haruslah berada dalam keadaan yang kondusif bagi memastikan pelajar dan guru berasa selasa untuk berada di sekolah dan seterusnya membolehkan proses pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan lancar. Selain itu, iklim sekolah yang positif juga menjadi sebahagian daripada tuntutan dalam arena pendidikan bagi melahirkan sebuah masyarakat yang sempurna dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sahsiah selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

### **Objektif Kajian**

Secara khususnya, tinjauan ini mempunyai tiga objektif, iaitu:

- 1) Untuk meninjau faktor program dalam penentu iklim sekolah menurut sikap guru.
- 2) Untuk meninjau faktor proses dalam penentu iklim sekolah menurut sikap guru.
- 3) Untuk meninjau faktor bahan dalam penentu iklim sekolah menurut sikap guru.

### **Kepentingan Kajian**

Dapatan kajian yang berbentuk tinjauan ini boleh memberi sumbangan yang bermakna kepada pelbagai pihak seperti pihak Kementerian Pelajaran, pihak pengurusan dan pentadbiran sekolah, guru-guru, para pelajar, ibu bapa dan sebagainya. Antara sumbangannya adalah:

- 1) Membantu pihak Kementerian Pelajaran untuk menyediakan satu garis panduan dalam membentuk satu keadaan iklim sekolah yang positif.
- 2) Membantu pihak pengurusan dan pentadbiran sekolah untuk menyusun pelbagai aktiviti yang menjadi penentu kepada iklim sekolah sekaligus menjadikannya berada dalam keadaan yang positif.
- 3) Menyediakan panduan kepada guru-guru dan para pelajar dalam merancang kerangka aktiviti yang lebih baik dalam usaha menjadikan sekolah sebagai pusat untuk melahirkan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial (JERIS).

## **Skop Kajian**

Kajian berbentuk tinjauan ini dijalankan di sebuah sekolah menengah swasta di daerah Johor Bahru. Kajian ini ditadbirkan ke atas 50 orang guru yang mengajar di sekolah tersebut bagi sesi 2008. Kajian ini menggunakan persampelan menyeluruh bagi memperoleh data untuk dianalisis.

Kajian ini dilakukan bagi mengetahui sikap guru terhadap keadaan factor penentu iklim sekolah yang berasaskan kepada Model Iklim Sekolah Fox *et. al.* (1971), yang dinilai dari segi program, proses dan bahan. Alat yang digunakan untuk mengumpul data dalam kajian ini ialah soal selidik.

## **Metodologi**

### **Sampel Kajian**

Kajian ini dijalankan ke atas guru-guru yang mengajar di sebuah sekolah menengah swasta di daerah Johor Bahru bagi sesi 2008. Pengkaji menjalankan persampelan menyeluruh dalam kajian ini. Kesemua guru di sekolah ini dijadikan sampel kajian. Jumlah responden yang adalah seramai 50 orang termasuk guru lelaki dan guru perempuan.

Saiz sampel yang besar ini dapat melambangkan kekuatan keputusan kajian. Menurut Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999), lebih besar sampel, lebih mantap kajian kerana dapat mengurangkan kesilapan keputusan berkaitan dengan masalah kebarangkalian dan kemungkinan berlakunya fenomena berdasarkan bilangan. Menurutnya lagi, membesarkan sampel boleh meninggikan kesahan dan kebolehpercayaan skor.

### **Instrumen Kajian**

Instrumen kajian yang digunakan oleh penyelidik bagi mendapatkan data adalah dengan menggunakan set soal selidik. Wiersma (1991) menyatakan bahawa soal selidik digunakan oleh para penyelidik untuk menukarkan maklumat yang diperolehi daripada subjek ke dalam bentuk data. Penyelidik menggunakan set soal selidik kerana ia bersesuaian dengan kaedah kajian disamping menjimatkan masa dan kos. Penyelidik menggunakan Bahasa Melayu untuk semua item dalam soal selidik tersebut.

Instrumen berbentuk soal selidik selalu digunakan untuk mengetahui sikap atau pandangan seseorang dengan menggunakan soalan bebas jawab iaitu soalan terbuka, senarai semak atau skala kadar (Mohamad Najib, 1999). Antara kebaikan set soal selidik adalah ia dapat merangkumi sampel yang ramai, lebih cepat dan sesuai untuk soalansoalan yang sensitif (Mohammad Najib, 1999).

Soal selidik yang digunakan dalam kajian ini merangkumi 30 item berdasarkan objektif kajian. Kandungan soal selidik ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A adalah berkenaan dengan biodata guru, manakala Bahagian B adalah berkenaan dengan faktor penentu iklim sekolah. Item-item dalam kajian ini adalah dibentuk sendiri oleh penyelidik berdasarkan ciri-ciri penentu iklim sekolah yang terkandung dalam Model Iklim Sekolah Fox *et al.* yang dikategorikan kepada tiga faktor iaitu program, proses dan bahan.

#### **1 Bahagian A (Biodata Guru)**

Bahagian ini mengandungi enam item iaitu jantina, umur, kelayakan akademik, pengalaman mengajar di sekolah tersebut, dan tugas atau jawatan-jawatan yang dipegang. Tujuan bahagian ini ialah untuk mengelaskan guru-guru tersebut berdasarkan bidang kepakaran dan pengalaman mengajar mereka di sekolah berkenaan.

## 2 Bahagian B (Faktor Penentu Iklim Sekolah)

Bahagian ini mengadungi soal selidik iaitu yang berkaitan dengan faktor penentu iklim sekolah seperti yang terdapat dalam Model Iklim Sekolah Fox et al. (1971). Terdapat tiga jenis penentu iklim sekolah iaitu program, proses dan bahan.

Pangukuran yang digunakan dalam soal selidik ini ialah Skala Likert lima skala. Menurut Linn (1990), Skala Likert adalah skala adalah berdasarkan satu skala dari satu ekstrem kepada ekstrem yang lain sama ada secara menaik atau menurun. Contohnya daripada eksterm sangat tidak setuju kepada sangat setuju atau sebaliknya. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan Skala Likert lima skala yang diukur secara menaik.

Soal selidik dalam Bahagian B ini juga, dibahagikan kepada tiga kategori berdasarkan faktor penentu iklim sekolah yang hendak dikaji iaitu program, proses dan bahan. Setiap faktor ditentukan oleh 10 item yang disusun secara rawak bagi mengelakkan responden mengetahui tujuan item tersebut dinilai dan sekaligus mempengaruhi keputusan mereka.

### Kajian Rintis

Sebelum soal selidik ini digunakan dalam kajian sebenar, ia diuji kepercayaannya dalam satu kajian rintis. Menurut Mohamad Najib (1999), tujuan utama kajian rintis adalah untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen.

Kajian rintis ini telah dijalankan pada 24 Januari 2008 di sebuah sekolah menengah swasta di daerah Mersing, Johor. Seramai 10 orang responden telah dipilih secara rawak bebas yang terdiri daripada guru-guru sekolah berkenaan bagi mendapatkan maklum balas terhadap soal selidik yang di bina.

Pengkaji menggunakan Ujian Alpha Cronbach dalam *Statistical Package for Social Science (SPSS V13.0) for Windows* untuk mengukur kebolehpercayaan instrument kajian. Menurut Mohamad Najib (1999), pekali Alpha Cronbach untuk instrument kajian diukur mengikut kriteria berikut :

**Jadual 1:** Pekali Alpha Cronbach

Nilai Alpha	Kebolehpercayaan
0.0 – 0.2	Rendah (Ubah kesemua item)
0.2 – 0.8	Sederhana (Ubah sebilangan item)
0.8 – 1.0	Tinggi (Item bolch diterima)

Setelah melakukan ujian Alpha Cronbach, pekali Alpha Cronbach yang didapati adalah 0.81. Menurut Mahamad Najib (1999), sekiranya mendapati nilai koefisyen yang tinggi dalam sesuatu kajian iaitu 0.8 keatas, maka kebolehpercayaan adalah tinggi dalam kajian ini.


Setelah menganalisa data, kerja pengubahsuaian item-item dilakukan. Item yang difikirkan tidak sesuai dengan kebolehpercayaan dibuang dan item baru dibina. Setelah itu, borang soal selidik ini diedarkan kepada responden yang terdiri daripada guru-guru di sebuah Sekolah Menengah Swasta di daerah Johor Bahru melalui pengetua sekolah tersebut.

## Keputusan

Dalam bahagian B, analisis kajian tertumpu kepada item-item yang berkaitan dengan sikap guru terhadap faktor penentu iklim sekolah berdasarkan Model Iklim Sekolah Fox *et al.* (1971) iaitu faktor program, faktor proses dan faktor bahan. Item-item yang terdapat dalam soal selidik dikelaskan mengikut ketiga-tiga objektif. Jadual 2 menunjukkan taburan min sikap guru terhadap faktor penentu iklim sekolah.

**Jadual 2:** Taburan Min Sikap Guru Terhadap Faktor Penentu Iklim Sekolah

Bil	Objektif Kajian	Min
1.	Sikap guru terhadap faktor program dalam penentu iklim sekolah.	4.25
2.	Sikap guru terhadap faktor proses dalam penentu iklim sekolah.	4.28
3.	Sikap guru terhadap faktor bahan dalam penentu iklim sekolah.	4.08
	<b>Min Keseluruhan</b>	<b>4.20</b>



**Rajah 1:** Taburan Min Sikap Guru Terhadap Faktor Penentu Iklim Sekolah

Berdasarkan Rajah 1 ketiga-tiga faktor penentu iklim sekolah iaitu factor program, faktor proses dan faktor bahan berada pada tahap tinggi iaitu melebihi min 3.68. Faktor penentu iklim sekolah yang paling dominan di sekolah ialah faktor proses, dengan min 4.28. Ia diikuti dengan faktor program dengan min 4.25, dan faktor bahan dengan min 4.08. Secara keseluruhannya, purata min bagi penentu iklim sekolah di sekolah menengah swasta tersebut berada pada tahap yang tinggi iaitu 4.20. Ini menunjukkan guru-guru mempunyai sikap yang positif terhadap faktor penentu iklim sekolah di sekolah ini.

## **Perbincangan**

Berdasarkan analisis data, secara umumnya menunjukkan majoriti responden mempunyai sikap positif terhadap item-item pernyataan yang dikemukakan. Hasil kajian secara keseluruhan juga mendapati bahawa sikap guru terhadap faktor penentu iklim sekolah di sebuah sekolah menengah swasta di daerah Johor Bahru berada pada tahap tinggi. Guru-guru berpendapat bahawa ketiga-tiga faktor penentu di sekolah tersebut iaitu program, proses dan bahan berada dalam keadaan baik.

Seterusnya, perbincangan dapatan kajian akan dijalankan mengikut persoalan dan objektif kajian. Setiap huraian akan dikaitkan dengan dapatan kajian yang terdahulu. Sekiranya tiada kajian yang dijalankan, pengkaji akan cuba mengaitkan dengan beberapa aspek yang dibincangkan. Perbincangan seterusnya adalah berkenaan dengan factor penentu iklim sekolah dari aspek program, proses dan bahan menurut sikap guru.

## **Sikap Guru Terhadap Faktor Program Dalam Penentu Iklim Sekolah**

Bagi persoalan kajian yang pertama ini, secara keseluruhannya sikap guru terhadap faktor program dalam penentu iklim sekolah berada pada tahap tinggi dengan min 4.25 berdasarkan Jadual 4.5. Ini menunjukkan bahawa guru-guru di sekolah tersebut mempunyai sikap yang tinggi terhadap faktor program dalam penentu iklim sekolah di sekolah mereka.

Aspek program merupakan faktor yang dapat menentukan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran (Howard et al., 1987). Salah satu iklim yang dikenalpasti oleh Haplin dan Craft (1963) dalam Michael Bearley (2001) ialah iklim terbuka. Dalam sistem sosial tidak formal di sekolah, iklim terbuka adalah keadaan yang penuh dengan semangat bekerjasama dan gembira semasa berada di sekolah. Guru-guru mempunyai sikap yang saling bekerjasama serta tidak merungut kerana ketidakpuasan hati. Guru besar atau pengatua sentiasa memastikan urusan pentadbiran sekolah berjalan dengan lancar di samping prestasi sekolah yang memberangsangkan. Para pelajar pula sentiasa bekerjasama dan saling bantu-membantu apabila diperlukan tanpa rasa terpaksa.

Abd. Rashid (1997) menjelaskan, pengukur utama kejayaan sesebuah sekolah ialah darjah keupayaannya memberi pendidikan yang baik kepada pelajarnya. Menurutnya lagi, motivasi seseorang pelajar akan meningkat sekiranya usaha mereka diberi penghargaan oleh pihak sekolah.

Menurut Ea Ah Meng (1994), sekolah perlu mempunyai lima unsur seperti yang ada dalam setiap organisasi iaitu dasar yang tegas, tujuan yang jelas, kepimpinan dan anggota yang tetap, serta usaha yang positif dan kreatif. Oleh itu, pelbagai usaha harus dilaksanakan oleh pihak sekolah agar sekolah beroleh kejayaan yang cemerlang dalam bidang akademik dan kokurikulum.

Menurut Mok Soon Sang, (1996), corak pengajaran telah banyak berubah dan menjadi lebih canggih mengikut perkembangan penyelidikan dari semasa ke semasa. Perubahan corak pendidikan ini sekaligus dapat meningkatkan iklim sekolah. Perubahan ini dapat diperhatikan daripada aspek-aspek berikut:

- a) Daripada interaksi sehalu kepada dua hala.
- b) Daripada strategi berpusatkan guru kepada strategi berpusatkan pelajar dan bahan.
- c) Daripada penggunaan buku teks dan alat tulis kepada alat bantu mengajar yang canggih.
- d) Daripada kaedah “kapur dan tunjuk ajar” kepada kaedah perbincangan, penyelesaian masalah dan sumbangsaran,.
- e) Daripada aktiviti keseluruhan kelas kepada aktiviti berkumpulan.
- f) Daripada aktiviti membaca, mendengar dan menulis kepada aktiviti berbincang, bertanya, mengkaji, berlakon bermain dan sabagainya.

g) Daripada ujian kepada penilaian.

Selain itu, peranan ibu bapa juga penting dalam mewujudkan iklim sekolah yang kondusif. Peranan ibu bapa melalui Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dilihat dapat meningkatkan pencapaian persekolahan para pelajar. Fungsi utamanya ialah menjaga dan melindungi kebajikan para pelajar dan guru-guru., di samping memberi sumbangan untuk perkembangan sekolah. Ini dapat diperlihatkan melalui pelbagai kegiatan sosial, akademik dan kebajikan yang diusahakan mengikut garis panduan.

Oleh itu, pihak sekolah perlu sentiasa memastikan faktor program iaitu persekitaran pembelajaran dan aktiviti kurikulum dan kokurikulum sentiasa fleksibel, di samping memberi peluang untuk pembelajaran yang aktif dan membuat jangkaan pencapaian setiap individu. Selain itu, sokongan dan struktur juga perlu bersesuaian dengan tahap kematangan pelajar, peraturan juga hendaklah ditentukan secara bersama, serta memberi penghargaan kepada pelajar-pelajar yang telah menunjukkan kecemerlangannya.

### **Sikap Guru Terhadap Faktor Proses Dalam Penentu Iklim Sekolah**

Bagi persoalan kajian yang kedua ini, secara keseluruhannya sikap guru terhadap faktor proses dalam penentu iklim sekolah berada pada tahap tinggi dengan min 4.28 berpandukan Jadual 4.6. Ini menunjukkan bahawa guru-guru di sekolah tersebut mempunyai sikap yang positif terhadap faktor proses dalam penentu iklim sekolah di sekolah mereka.

Sekolah merupakan satu organisasi yang mengandungi satu kumpulan individu yang telah bersetuju untuk bekerjasama untuk satu-satu tujuan tertentu (Ea Ah Meng, 1994). Kepimpinan yang demokratik adalah apabila dasar dan keputusan sesuatu aktiviti adalah hasil perbincangan di antara semua guru dan pengetua. Sekolah perlu mempunyai lima unsur seperti yang ada dalam setiap organisasi iaitu dasar yang tegas, tujuan yang jelas, kepimpinan dan anggota yang tetap, serta usaha yang positif dan kreatif (Ea Ah Meng, 1994).

Tugas dan peranan guru yang utama adalah sebagai penyampai ilmu pengetahuan, pengembang dan pengukuh penguasaan kemahiran, pembentukan akhlak, pembimbing dan tauladan kepada pelajar (Abdul Rauf & Subahari, 1991). Maka pendekatan yang sesuai dapat menentukan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran. Justeru itu, guru-guru perlu menggunakan pelbagai cara untuk menarik perhatian para pelajar agar mereka berminat untuk mengikuti ilmu yang disampaikan.

Fox et al. (1971) mencadangkan agar pihak sekolah memberikan kepercayaan kepada individu sekolah untuk melakukan sesuatu yang dapat meningkatkan bakat dan keyakinan mereka, melibatkan ahli komuniti sekolah dalam proses membuat keputusan yang tertentu bagi meningkatkan nilai sendiri mereka dan melakukan perubahan yang tidak menjadi ancaman tetapi merupakan sesuatu yang menarik dan seronok untuk dilaksanakan.

Dengan ini, sesebuah sekolah dikategorikan baik iklimnya apabila pelajar-pelajar mempunyai semangat setiakawan, berasa selesa untuk belajar dan berada di sekolah. Manakala guru-guru pula berasa selamat, yakin dan puas, serta tidak berasa terancam atau was-was dan menunjukkan keprihatinan kepada pelajar-pelajarnya. Begitu juga dengan pengetua, beliau akan berasa yakin, mesra, mudah ditemui dan bersifat terbuka serta berkebolehan untuk memimpin dan mentadbir sekolah (Rahimah, 1982).

Hellinger dan Murphy (1985) menyatakan bahawa iklim sekolah adalah norma dan sikap guru dan pelajar yang mempengaruhi proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Howard dan rakan-rakan (1987) pula membuat andaian bahawa iklim sekolah merupakan faktor yang dapat menentukan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran. Bagi mereka, iklim sekolah yang positif akan menjadikan guru dan pelajar mahu menghabiskan masa yang agak panjang di sekolah dan berasa seronok berada di situ.



Salah satu iklim yang dikenalpasti oleh Haplin dan Craft (1963) dalam Michael Bearley (2001) ialah iklim berautonomi, iaitu kebebasan untuk berinteraksi dan berhubung. Ia lebih mementingkan keperluan sosial. Di dalam menjalankan tugas, guruguru akan bersatu padu bagi memastikan matlamat yang digariskan tercapai dalam masa yang singkat. Guru-guru juga tidak berpuak-puak atau mewujudkan kumpulan kecil yang tidak sependapat di kalangan mereka. Bagi para pelajar, mereka akan bekerjasama dalam menyelesaikan sesuatu tugas yang telah diberi, sama ada tugas itu berbentuk akademik atau bukan akademik. Pelajar akan bergaul dengan mesra tanpa mengira kaum, agama, status ekonomi, tahap kecemerlangan dan sebagainya.

Oleh itu, pihak sekolah perlu sentiasa memastikan faktor proses iaitu keupayaan untuk menyelesaikan masalah, pengenalanpastian dan penyelesaian konflik, komunikasi yang berkesan di antara komuniti sekolah, penglibatan semua guru dalam membuat keputusan, penambahbaikkan matlamat sekolah, kepercayaan membuat perancangan masa depan dilaksanakan. Selain itu, strategi pengajaran dan pembelajaran yang berkesan juga perlu dititiberatkan disamping memastikan autonomi dengan akauntabiliti di sekolah dikekalkan.

### **Sikap Guru Terhadap Faktor Bahan Dalam Penentu Iklim Sekolah**

Untuk persoalan kajian yang terakhir, secara keseluruhannya sikap guru terhadap faktor bahan dalam penentu iklim sekolah berada pada tahap tinggi dengan min 4.08 berdasarkan Jadual 4.7. Ini menunjukkan guru-guru di sekolah tersebut mempunyai sikap yang tinggi terhadap faktor bahan dalam penentu iklim sekolah di sekolah mereka.

Menurut Owen (1998), suasana sekolah yang dirujuk dari sudut ekologi atau dirujuk kepada faktor-faktor fizikal seperti bangunan dan tapak, keindahan taman, kemudahan sumber dan bahan, dan sebagainya dapat mempengaruhi suasana pengajaran dan pembelajaran di sesebuah sekolah. Oleh itu, sekiranya aspek ini kurang memuaskan, ia akan sekaligus memberi kesan kepada tingkah laku pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Kemudahan asas seperti bekalan air, elektrik dan telefon adalah penting dalam kehidupan seharian pada masa kini. Begitu juga di sekolah, pihak sekolah telah menyediakan pelbagai kemudahan asas untuk keselesaan guru dan para pelajar. Pelbagai masalah akan timbul jika faktor ini tidak dihiraukan oleh pihak sekolah seperti kes ponteng sekolah dan sebagainya. Hal ini disebabkan ketidakselesaan mereka untuk berada di dalam sekolah dan bilik darjah.

Keadaan dan suasana bilik darjah yang kurang selesa boleh mendatangkan pelbagai kesan sampingan terhadap permasalahan disiplin pelajar. Kenyataan ini diperkukuhkan lagi oleh Ismail Zain (2001) yang menyatakan: Di antara faktor yang menyebabkan berlakunya masalah disiplin pelajar ialah kurangnya rasa minat untuk belajar di dalam bilik darjah disebabkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang tidak menyeronokkan dan membosankan.

Selain itu, terdapat empat aspek yang dapat mewujudkan suasana sekolah yang baik iaitu kebersihan, keselamatan, penggunaan kemudahan dengan baik secara kreatif dan inovatif, serta keselesaan komuniti sekolah (Mok Soon Sang, 1999). Menurutnya lagi, suasana bilik darjah mempengaruhi minat pelajar untuk berada lebih lama di sekolah. Bilangan pelajar yang terlalu ramai di dalam kelas juga boleh menjejaskan tumpuan mereka semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Menurut Asmah Hj Ahmad (1989), "Di dalam bilik darjah kebiasaannya terdapat 20 hingga 40 buah kerusi dan meja yang disusun secara lurus berbaris menghadap papan tulis". Oleh itu, sekiranya pelajar di dalam satu kelas melebihi nilai maksimum, ianya akan menimbulkan ketidakselesaan kepada para pelajar di dalamnya.

Oleh itu, pihak sekolah perlu sentiasa memastikan faktor bahan iaitu sumber dan sistem logistik sentiasa cekap dan menyokong serta mencukupi untuk guru-guru dan para pelajar. Kesesuaian bangunan sekolah dan susun atur di dalamnya juga perlu dititik beratkan bagi memastikan iklim sekolah sentiasa dalam keadaan yang kondusif.

## **Rumusan**

Secara keseluruhannya, kajian ini telah mencapai ketiga-tiga objektif yang telah ditetapkan iaitu untuk meninjau sikap guru terhadap faktor program dalam penentu iklim sekolah, untuk meninjau sikap guru terhadap faktor proses dalam penentu iklim sekolah, dan untuk meninjau sikap guru terhadap faktor bahan dalam penentu iklim sekolah.

Berdasarkan analisis data dalam Bab 4, secara umumnya majoriti responden mempunyai sikap positif terhadap item-item pernyataan yang dikemukakan. Hasil kajian secara keseluruhan juga mendapati bahawa sikap guru terhadap faktor penentu iklim sekolah di sebuah sekolah menengah swasta di daerah Johor Bahru berada pada tahap tinggi dengan min 4.20 seperti dalam Jadual 4.4. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa ketiga-tiga faktor penentu di sekolah tersebut iaitu program, proses dan bahan berada dalam keadaan baik.

Dalam Bahagian A, hasil dapatan kajian dari segi jantina, didapati jumlah responden lelaki adalah sedikit berbanding responden perempuan. Perkara ini adalah fenomena biasa di mana bilang guru perempuan adalah lebih banyak berbanding guru lelaki. Seterusnya, responden yang berumur di antara 26 hingga 30 dan 31 hingga 36 tahun menjadi dua kelompok tertinggi dalam kajian. Tahap umur tersebut adalah penting kerana pada umur tersebut, mereka sedang mencari satu laluan kerjaya di dalam bidang pendidikan. Bagi kelayakan tertinggi akademik, guru-guru didapati hamper keseluruhannya mempunyai tahap pendidikan yang tinggi iaitu mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda. Walaubagaimanapun, terdapat dua orang guru yang mempunyai kelulusan di peringkat Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia sahaja. Guru-guru yang mempunyai tahap pendidikan yang tinggi berupaya melahirkan para pelajar yang berkualiti.

Hasil kajian juga mendapati peratusan yang besar adalah bagi guru-guru yang sudah berkhidmat di sekolah itu selama satu hingga tiga tahun. Guru-guru ini dikatakan baru berkhidmat di dalam dunia pendidikan. Beban tugas yang diberikan di samping kurang pendedahan, bimbingan dan latihan memungkinkan mereka gagal mengadaptasikan diri dengan persekitaran tugas. Justeru itu, pelbagai langkah harus diambil seperti memberi latihan dan kursus-kursus berkaitan pendidikan dan perguruan perlu ditekankan bagi melatih guru-guru tersebut.

Sebilangan besar responden dalam kajian ini adalah guru-guru biasa, di mana pandangan dan pendapat mereka semestinya berbeza berbanding dengan guru-guru yang berjawatan tinggi. Dapatan kajian juga mendapati bahawa guru-guru yang mengajar matapelajaran Sains dan Matematik adalah tinggi berbanding matapelajaran lain. Selari dengan hasrat kerajaan untuk mewujudkan masyarakat Malaysia yang mempunyai budaya sains dan teknologi, guru-guru dalam bidang Sains dan Matematik perlu dipertingkatkan bagi memupuk minat para pelajar di peringkat sekolah

## **Rujukan**

Abdul Raof Dalip & T.Subahan Muhd Meerah (1991). Isu-isu Latihan Mengajar. Petaling Jaya; Fajar Bakti.

Amir Hasan Dawi (2006), Penteorian Sosiologi dan Pendidikan, Edisi ketiga. Quantum Books, Perak.

- David Hamilton (1990). *Learning About Education, An Unfinished Curriculum*. Open Universiti Press, Milto Keynes – Phila Delphia.
- Ee Ah Meng(1994). Psikologi Dalam Bilik Darjah. Kuala Lumpur; Fajar Bakti.
- Ee Ah Meng(1994). Sekolah dan Bilik Darjah. Petaling Jaya; Fajar Bakti.
- Esah Sulaiman (2003). *Amalan Profesionalisme Perguruan*. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor Darul Takzim.
- Forehand, G. & Glimer, (1969). Environmental Variation in Studies of Organational Behavior. *Psychological buletin*. Vol. 22; 361 – 382.
- Fox, R. S., Brainard,E. Carnie, G. M., Howard. E. R., Kettering, C., dan Olivero. J. L. (1971). *The Principle as the School's Climate Leader: A New Role for the principleship*. Colorado: CFK Ltd. Ocatonal Paper.
- Fraser, B. J & Fisher, B. J (1988) *Assesing & Amproving School Climate*. Evaluation and Research Ed. Vol.2(3); 109-222.
- Halpin, A. W. and Croft, B. (1962). *The Organization Climate of School*. Washington: U.S. Office Of Education.
- Hassan Langgulung (1983). *Psikologi dan Kesihatan Mental di Sekolah-Sekolah*. Penerbitan Adabi Sdn Bhd, Kuala Lumpur.
- Howard, E., Howell, B. & Brainard, E. (1987). *Handbook for Conducting School Climate Improvement Project*. Indiana : The Phi Delta Kappa Educational Foundation.
- Ibrahim Saad (1981). Dua Puluh Tahun Pendidikan di Malaysia. Dewan Masyarakat, Jilid 15, bil. 8.
- Jaiz Sahok dan mat Nor Husin (1990). Pendidikan Pemulihan. Kuala Lumpur; Massa Enterprise.
- Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan. *Pengurusan Professional*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jeseph S. Roucek, Roland L. Warren (1957). *Sosiologi Suatu Pengenalan*. Littlefield and Adams & Co. Terjemahan Dewan Bahasa dan Pustaka (1979).
- Kamus Dewan (1993) Edisi ke-3. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Kelly, E.A. (1989). *Improving Scholl Climate*. *The Practitioner*. 15(4). 1-5.
- Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pendidikan (7 November 1979), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur